



SUMBANGAN: Lim (dua kanan) menyerahkan sumbangan dua unit ventilator kepada HQE.

99 Speedmart sumbang dua unit ventilator kepada HQE

KOTA KINABALU: 99 Speedmart menyumbangkan dua unit ventilator (alat bantuan pernafasan) bernilai RM50,000 kepada Hospital Queen Elizabeth (HQE) sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu.

Pengurus Kanan Operasi Peruncitan Malaysia Timur 99 Speedmart Lim Yu Kiun mewakili syarikat berkenaan menyampaikan sumbangan itu kepada Naib Pengarah HQE Dr. Yogendra Panchalingam dan Timbalan Pengarah HQE

Anbarasu Ramalingam di sini kelmarin.

Lim berkata, pihaknya berhasrat untuk memberi sumbangan kepada hospital untuk membantu menangani pandemik COVID-19, sebelum menghubungi pihak hospital bagi mengenal pasti apa keperluan hospital.

Sehubungan itu katanya, pihak hospital mencadangkan agar syarikat mereka menyumbangkan dua unit ventilator.

Beliau berkata, sepanjang pandemik COVID-19, syarikat 99 Speedmart meny-

umbangkan barangan keperluan kepada petugas barisan hadapan, termasuk kepada balai polis dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“99 Speedmart juga menghulurkan bantuan kepada golongan B40 yang mengibarkan bendera putih, serta menderma bekalan makanan kepada Hospital Labuan,” katanya.

Selain itu jelasnya, syarikat itu juga menghantar barangan keperluan kepada penduduk di Kampung Sugud Penampang yang dilanda banjir baru-baru ini.